

PM sangkal dakyah jadi 'anak angkat' AS, ikut nasihat Yahudi

Penjawat awam diminta tidak terpengaruh isu berkaitan BlackRock, MAHB

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim menyangkal dakwah kononnya beliau 'anak angkat' Amerika Syarikat (AS) dan 'mengikuti nasihat Yahudi'.

Gelaran itu, kata Perdana Menteri, disebabkan isu penyertaan syarikat asing dikaitkan dengan Israel dalam penstrukturan semula kepentingan Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB), malah Kementerian Kewangan (MoF) didakwa meminjam daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Justeru, Anwar ketika berucap pada Majlis Apresiasi 2024 Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini semalam, mengingatkan penjawat awam supaya tidak terikut-ikut tindakan pembangkang berhubung isu berkenaan.

Beliau juga menasihatkan penjawat awam perlu mengikuti perkembangan dan berhak mengetahui perkara sebenar dalam isu terbabit supaya tidak terpengaruh dengan dakwah.

"Rakan penjawat awam harus ikuti (isu ini), bukan ceramah politik maki hamun orang, da-jalkan orang, kafirkan orang yang mereka lakukan (menjelang pilihan raya kecil) di Sungai Bakap.

"Saya dipanggil 'anak angkat' AS, Kementerian Kewangan pinjam daripada IMF dan saya ikut nasihat Yahudi. Ikut sahaja cakap ustaz, pakai kopiah dan jubah, tetapi fitnah terang-terang, fakta itu di sebaliknya.

"Jadi, saya memilih menjelaskan kerana jika saya lakukan sebegini (dituduh ikut nasihat Yahudi dan jadi alat AS), penjawat awam nak pertahankan Perdana Menteri bagaimana?" katanya.

Jumaat lalu, Anwar menempelak pembangkang yang didakwa mahu menjadi jaguh politik menghasut rakyat apabila terus memainkan isu berkaitan Blackrock Inc (Blackrock) dan MAHB.

Di Dewan Rakyat kelmarin, Anwar mengulangi penegasan



Anwar ketika berucap pada Majlis Apresiasi 2024 Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

bahawa MAHB tidak pernah dijual kepada pihak asing dan terus kekal menjadi milik negara, sekali gus tuduhan sebaliknya yang dilemparkan, sama sekali tidak berbangkit.

Penstrukturan MAHB memabitkan Global Infrastructure Partners (GIP) mencetuskan isu selepas BlackRock, pengurus aset terbesar dunia berpangkalan di AS dilaporkan dalam proses mengambil alih GIP.

Difitnah jual aset negara

Sementara itu, Anwar berkata, fitnah terus dilemparkan kononnya kerajaan sudah menjual kepentingan negara kepada syarikat yang bekerjasama membunuh orang Islam di Gaza.

"Saya sudah menjawab di Parlimen semalam (kelmarin) dan sebab itu, saudara harus tahu apa yang berlaku dalam MAHB. Dahulu pegangan Khazanah dan KWSP ialah 41 peratus, 27 peratus pegangan asing.

"Sekarang pegangan Khazanah dan KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) naik kepada 70 peratus, Abu Dhabi Investment Authority (ADIA) dan GIP ada 30 peratus. Jadi kerajaan masih memiliki 70 peratus," katanya.

Perdana Menteri berkata, perkara sama juga harus diketahui penjawat awam berhubung laporan Indeks Daya Saing Dunia 2024 yang menyaksikan kedudukan Malaysia turun.

Menegaskan beliau tidak sekali-kali bersikap defensif, sebaliknya menerima baik setiap teguran atau kritikan, Anwar berkata, laporan itu harus dilihat dalam konteks keseluruhan.

"Prestasi keseluruhan (Mala-

ysia dalam Indeks Daya Saing Dunia 2024) tidak terlalu teruk.

"Kalau diperinci, ada beberapa aspek nampak merudum, menurun, antara lain kerana bukan soal kecekapan atau penyelewengan rasuah, ia ketimbang prestasi 2022.

"Umpamanya, pertumbuhan pasca COVID-19 itu melonjak cepat kerana *threshold* asas ketika itu sudah negatif. Jadi, apabila ada positif, ia melonjak tinggi, tapi tahun berikutnya tidak dapat capai keadaan sama kerana *threshold* itu ialah tahun sebelumnya.

"Jadi, kita tak harus ambil sikap defensif. Cuma fakta itu harus disampaikan kerana tentu ada sebahagian yang menghebahkan seolah-olah ada kelemahan besar," katanya.

Sementara itu, katanya, perincian kenaikan gaji penjawat awam akan diumumkan sebelum pembentangan Belanjawan 2025, Oktober ini yang disifatkannya penting kerana sudah terlalu lama penjawat awam tidak menikmati kenaikan gaji setaraf kerja keras mereka selama ini.

"Sekian lama tidak ada kenaikan bermakna bagi gaji penjawat awam dalam keadaan kita bagi tekanan lebih kuat sekarang, kerja lebih kuat, pemantauan lebih kuat dan penguat kuasa, termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) lebih hebat, terjah ke kawasan dan jabatan.

"Saya tegaskan tidak bertolak ansur kerana tanggungjawab kita untuk memberikan apa yang mampu dan munasabah kepada penjawat awam dan insya-Allah saya akan umumkan sebelum bajet atau belanjawan tahun ini," katanya.